

**CONTOH SIJIL KEBENARAN  
IMPORT, MENJUAL, MEMELIHARA DAN MENYIMPAN  
IKAN LARANGAN**



**DEPARTMENT OF FISHERIES MALAYSIA**

**No. Siri: 2002**

**No Rujukan Sijil: P-0001-FE17**




# **SIJIL KEBENARAN**

Adalah dengan ini, seperti di dalam kuasa yang diberikan dibawah Peraturan-peraturan Perikanan (Mengimport, dsb., bagi Ikan Larangan) 2011 dan Pindaan (2011)

**SYARIKAT XYS SDN BHD**  
(No. Pendaftaran: P-0001-KIH)

Diberikan kebenaran untuk mengimport, menjual, memelihara dan menyimpan ikan seperti dalam Lampiran A dengan mematuhi sepenuhnya keperluan kawalan seperti dalam Lampiran B. Kebenaran ini diberikan dari (TARIKH MULA) hingga ke (TARIKH TAMAT)



Kebenaran ini diberikan oleh;

**KETUA PENGARAH PERIKANAN,  
MALAYSIA,  
PUTRAJAYA.**

Tarikh:

**Lampiran A Sijil Kebenaran Mengimport, Menjual, Memelihara Dan Menyimpan Ikan Larangan Dibawah Peraturan-Peraturan Perikanan (Mengimport, Dsb., Ikan Larangan) 1990 Dan Pindaan 2011**

---

Bil.	Kod ISMAIL	Genus	Nama Saintifik	Bilangan
1.				
2.				
3.				
4.				
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>				

**LAMPIRAN B Keperluan Kawalan Mengimport, Menjual, Memelihara dan Menyimpan Ikan Larangan**

---

**Syarat-Syarat Kebenaran Khas Di Bawah Peraturan-Peraturan Ikan (Larangan Import, dsb., Bagi Ikan) (Pindaan) 2011.**

- i. Spesies ikan dijadualkan di bawah Peraturan-Peraturan Perikanan (Larangan Import, dsb., Bagi Ikan) (Pindaan) 2011 adalah dilarang untuk menyimpan, memelihara dan menjual kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Perikanan Malaysia.
- ii. Kebenaran ini adalah khas untuk individu/syarikat yang tercatat dalam permit ini sahaja sah laku satu (1) tahun atau sehingga ikan larangan tidak berada dalam kawalan individu/syarikat. Kebenaran hendaklah diperbaharui selepas tamat tempoh sah laku.
- iii. Individu / Syarikat hendaklah mematuhi tatacara dan keperluan yang telah ditetapkan oleh Jabatan.
- iv. Individu / Syarikat ini hendaklah mengemukakan segala maklumat dalam tempoh yang ditetapkan apabila diminta oleh pihak Jabatan. Kegagalan berbuat demikian akan mengakibatkan tindakan seperti di perenggan (v) di bawah.
- v. Ketua Pengarah Perikanan Malaysia berhak membatalkan/menggantung kebenaran ini jika terdapat pelanggaran terhadap mana-mana peruntukan didalam Akta Perikanan 1985, Peraturan-Peraturan Perikanan di bawahnya serta syarat-syarat import, eksport dan angkut ikan hidup.
- vi. Kakitangan Jabatan Perikanan Malaysia hendaklah dibenarkan masuk untuk memeriksa ladang/kolam/premis jualan, ternakan atau simpanan bagi mendapatkan maklumat-maklumat yang berkaitan
- vii. Individu / Syarikat hendaklah menyediakan kemudahan bagi menerima / membeli ikan yang tidak diperlukan oleh pemilik dan melupuskan ikan tersebut jika berkenaan atau untuk dijual semula.

- viii. Ikan hanya boleh dijual kepada mana-mana orang yang memiliki kebenaran ini dan ikan-ikan hendaklah disimpan dalam kawalan seperti yang dalam Senarai Semak Pemeriksaan Pematuhan Kawalan Bagi Ikan Larangan (3M-02).
- ix. Individu / Syarikat hendaklah merekod dan mendokumenkan setiap penjualan dan pergerakan ikan termasuk ikan yang dibeli atau diserah daripada pembeli / pemilik.
- x. Individu / Syarikat hendaklah mendidik pembeli / penerima ikan agar ikan tidak dikehendaki tidak dilepaskan ke perairan umum dan menyerahkan semula / menjual ke Individu / Syarikat atau dilupuskan.
- xi. Ikan larangan hendaklah **TIDAK DILEPASKAN** ke perairan umum dan hendaklah dilupuskan / dijual jika tidak dikehendaki.
- xii. Ikan ini boleh dieksport dengan mematuhi Prosedur Eksport Ikan Larangan dan yang semasa oleh Jabatan Perikanan Malaysia dan Jabatan Perkhidmatan Pemeriksaan dan Kuarantin Malaysia (MAQIS).
- xiii. Individu / Syarikat yang handak mengeksport ikan larangan hendaklah berdaftar dengan Ketua Pengarah Perikanan Malaysia.
- xiv. Individu / Syarikat yang handak mengeksport ikan larangan hendaklah mengemukakan bukti ikan diperolehi daripada penjual / penternak berdaftar (resit pembelian menyatakan nombor pendaftaran penternak / penjual) sebelum Sijil Kesihatan Ikan dapat dikeluarkan.
- xv. Hanya ikan larangan yang diperolehi daripada individu / syarikat berdaftar dan memiliki kebenaran khas sahaja dibenarkan eksport.
- xvi. Import ikan larangan adalah tidak dibenarkan.
- xvii. Ikan yang diimport untuk tujuan pertandingan / pameran / persempahan perlu mendapatkan kelulusan khas daripada Jabatan Perikanan Malaysia dan hendaklah dibawa pulang ke Negara masing-masing selepas program selesai.
- xviii. Jabatan berhak membekukan kebenaran eksport sekiranya individu/ syarikat tidak mematuhi tatacara dan keperluan yang ditetapkan.
- xix. Sebarang kehilangan, kecurian dan kehilangan ikan atau kebenaran ini hendaklah dimaklumkan kepada Ketua Pengarah Perikanan Malaysia.
- xx. Pemantauan aktiviti akan dilaksanakan oleh Jabatan atau mana-mana badan yang dilantik oleh Ketua Pengarah Perikanan Malaysia.